

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda menetapkan untuk memohon Kad Debit Hong Leong. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am Kad Debit.	Kad Debit Junior Hong Leong Bank Tarikh: Dikemas kini pada 15 Julai 2020
--	--

1. Apakah produk ini?

Kad Debit prabayar boleh tambah nilai ini dikeluarkan kepada Ibu Bapa atau Penjaga Sah anak tersebut. Ini adalah instrumen pembayaran yang membolehkan anda membuat bayaran bagi barangan dan perkhidmatan di kedai dan perkhidmatan yang turut serta melalui rangkaian Visa atau MEPS. Kad Debit Junior (Tambah Nilai) (JDC) ini juga membolehkan anda mengeluarkan wang tunai di Mesin Juruwang Automatik (ATM). Anda dikehendaki mengekalkan Akaun Simpanan Junior dengan kami, yang akan dipautkan dengan JDC anda. Jika anda menutup Akaun Simpanan Junior yang dikekalkan di Hong Leong Bank (HLB), anda tidak boleh melakukan apa-apa transaksi dengan JDC. Pelanggan hendaklah membaca dan memahami Terma dan Syarat Kad Debit HLB sebelum menandatangani perjanjian dan menggunakan JDC.

• **Pengeluaran Wang Tunai di ATM**

Mengeluarkan wang tunai dalam negara dan luar negara daripada lebih 1 juta mesin ATM yang mempamerkan logo MEPS, Visa, PLUS, Mastercard atau Cirrus.

• **Kemudahan Pembayaran**

Membuat belian di lebih 29 juta peniaga Visa dalam negara dan luar negara, serta juga peniaga e-debit MEPS. Anda juga boleh membayar bil, memindahkan wang dan membuat pembelian dalam talian.

• **Penerimaan Visa payWave/PayPass/MCCS Contactless**

Bayar dengan satu imbasan – cara yang cepat, tanpa sentuhan dan mudah untuk membuat pembayaran.

• **Diskaun & Keistimewaan**

Nikmati diskaun eksklusif apabila menjamu selera, membeli-belah, melancong dan lain-lain lagi di tempat peniaga terpilih hanya menggunakan JDC.

• **Kawalan Kewangan Yang Lebih Sempurna**

Kelongsoran untuk menetapkan "Had Pengeluaran", "Had Pembelian Runcit", "Had Pembelian Dalam Talian" dan "Had Tambah Nilai Automatik" bagi anak anda melalui Hong Leong Connect perbankan dalam talian atau kunjungan mana-mana cawangan HLB.

2. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Penerangan Fi & Yuran	Fi/Yuran (Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan)
Fi Pengeluaran	RM8 setiap kad
Fi Tahunan	RM8 setiap kad
Fi Penggantian Kad <i>(Bagi kerosakan atau kehilangan/kecurian JDC)</i>	RM18 setiap kad
Fi Tambah Nilai JDC <ul style="list-style-type: none"> • Tambah Nilai Automatik (Dari JSA ke JDC) • OTC • Melalui CDM (Cash ke JDC) • Melalui ATM (Dari Kad Debit HLB ke JDC) • Melalui Connect (Dari CASA/CASA-i ke JDC) 	Tiada yuran RM2 Tiada yuran Tiada yuran Tiada yuran
Pengeluaran Wang Tunai di ATM: <u>Dalam Negara</u> <ul style="list-style-type: none"> • ATM Bank HLB/HLISB • ATM Bank Lain <u>Luar Negara</u> <ul style="list-style-type: none"> • Melalui rangkaian MEPs ATM <i>(Indonesia, Singapore, Thailand & Korea)</i> • Melalui VISA PLUS 	Tiada yuran RM1 setiap transaksi RM8 setiap transaksi RM12 setiap transaksi
Pengeluaran Wang Tunai OTC: <ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran Pertama (setiap bulan) • Pengeluaran Seterusnya (dalam bulan yang sama) 	Tiada Yuran RM2 setiap transaksi

<p>Transaksi Luar Negara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Transaksi dalam mata wang selain dari Ringgit Malaysia • Transaksi dalam Ringgit Malaysia melalui DCC 	<p>Transaksi Kad yang dibuat dalam mata wang selain dari Ringgit Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh ia diproses oleh Visa atau Mastercard pada kadar pertukaran asing sebagaimana yang ditentukan oleh Visa International atau Mastercard. Fi tambahan berikut akan dikenakan ke atas penukaran:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1% fi transaksi dikenakan oleh Visa atau Mastercard; dan 1% penambahan kepada penukaran tukaran asing dikenakan oleh Bank <p>Untuk sesetengah ATM di luar negara, laman sesawang atau peniaga tertentu, pemegang Kad boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan Penukaran Mata Wang Dinamik ("DCC") untuk menukarkan transaksi mata wang asing kepada Ringgit Malaysia. Jika DCC dipilih:</p> <ol style="list-style-type: none"> Kadar pertukaran asing yang digunakan oleh peniaga bagi urusan DCC mungkin lebih tinggi daripada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa atau Mastercard. Pemegang Kad akan dikenakan fi transaksi sebanyak 1% oleh Visa atau Mastercard ke atas amaun Ringgit Malaysia yang ditukarkan, mewakili fi yang dikenakan oleh Visa atau Mastercard.
<p>Lihat Butiran Transaksi JDC</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melalui Connect • Penyata Mini melalui ATM 	<p>Tiada Yuran Tiada Yuran</p>
<p>Sales Draft Retrieval Fee</p>	<p>RM20 setiap permintaan</p>

3. Apakah terma dan syarat utama?

- Jumlah pra-kebenaran sebanyak RM 200 akan dicaj ke Akaun Pembelian Runcit yang dipautkan dengan Kad Debit untuk pembayaran yang dibuat pada dispenser bahan api automatik. Jumlah pra-kebenaran akan dikreditkan kembali dan jumlah transaksi sebenar akan dicajkan ke Akaun Pembelian Runcit anda apabila penyelesaian dengan pihak peniaga dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
- Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk membayar dengan JDC anda di kaunter juruwang untuk mengelakkan pegangan jumlah pra-kebenaran.

4. Bagaimana jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

Anda mestilah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kehilangan Kad Debit.

Tanggungjawab Pemegang Kad:

- Mematuhi terma dan syarat bagi penggunaan Kad;
- Mengambil langkah yang munasabah untuk menjaga Kad dan PIN selamat pada setiap masa, termasuk di tempat kediaman Pemegang Kad. Ini termasuk tidak:
 - mendedahkan butiran Kad Kredit atau PIN kepada mana-mana pihak lain;
 - menulis PIN di atas Kad Kredit, atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad;
 - menggunakan PIN yang dipilih daripada tarikh lahir Pemegang Kad, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor perhubungan;
 - membenarkan mana-mana orang lain untuk menggunakan Kad Kredit dan PIN; dan
- Memaklum kepada Bank secepat mungkin setelah diketahui Kad Kredit hilang, dicuri, atau satu transaksi tanpa kebenaran atau PIN telah terjejas;
- memaklum kepada Bank dengan segera apabila menerima khidmat pesanan ringkas Bank (SMS) amaran transaksi jika urusan niaga itu tanpa kebenaran;
- memaklum kepada Bank dengan segera sebarang perubahan pada nombor telefon Pemegang Kad;
- menggunakan Kad Kredit dengan penuh tanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad untuk apa-apa aktiviti haram; dan
- menyemak Penyata akaun dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlengah.

Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi PIN tanpa izin jika anda:

- Melakukan penipuan;
- Lewat untuk memberitahu HLB secepat mungkin selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa izin Kad Debit anda;
- Mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela; atau
- Merekodkan PIN anda pada Kad Debit, atau pada apa-apa benda yang disimpan berdekatan Kad Debit anda.

Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi tanpa izin yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuhan, jika anda:

- Melakukan penipuan;
- Lewat untuk memberitahu HLB secepat mungkin selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa izin JDC anda;
- Meninggalkan JDC anda atau bahagian yang mengandungi Kad Debit anda tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
- Membenarkan orang lain untuk menggunakan JDC anda secara sukarela.

Anda bertanggungjawab sepenuhnya atas segala transaksi ATM tanpa izin.

5. Apakah risiko utama?

Jangan gunakan PIN/kata laluan yang dipilih dari tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon anda untuk mengurangkan penggunaan tanpa izin JDC anda jika JDC anda hilang/dicuri.

JDC anda hilang/dicuri. Anda hendaklah serta-merta memberitahu HLB di **03-7626 8899** untuk menyekat penggunaan JDC anda sebaik sahaja mengetahui Kad Debit anda hilang atau dicuri atau transaksi tanpa izin telah dilakukan atau PIN telah dikompromi.

Anda mesti memaklumkan kepada HLB sebaik sahaja menerima amaran transaksi SMS jika transaksi tidak diizinkan.

6. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir perhubungan saya berubah?

Untuk memastikan segala surat-menyurat sampai ke tangan anda tepat pada waktunya, anda dikehendaki memberitahu kami jika terdapat apa-apa perubahan butir-butir perhubungan dan/atau peribadi. Ini boleh dilakukan dengan kunjungi mana-mana cawangan kami atau hubungi Pusat Hubungan Hong Leong kami di **03-7626 8899** untuk mengemaskinikan butir-butir perhubungan dan/atau peribadi anda.

7. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Untuk mendapat maklumat terbaharu seperti terkandung dalam Kertas Pendedahan Produk dan terma & syarat produk kami secara lengkap, sila layari www.hlb.com.my. Sekiranya ditemui apa-apa percanggahan, maka maklumat terbaharu dan terma & syarat dalam laman web Hong Leong Bank akan diutamakan.

Untuk sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi kami di:

Tel : 03-7626 8899 Faks : 03-7946 8888 E-mel : HLOnline@hlbb.hongleong.com.my

Untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, anda boleh menghubungi kami di:

Customer Advocacy, Level 13A, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

Tel: 03-7626 8801/03-7626 8802/03-7626 8812

E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my

8. Pakej-pakej kad Debit yang disediakan

- Kad Debit Hong Leong
- Kad Zing Debit Touch 'n Go

9. Fungsi Transaksi Tanpa Sentuh

- Had Transaksi Tanpa Sentuh
Had transaksi tanpa sentuh anda adalah RM250. Anda tidak perlu memasukkan PIN apabila kad anda disentuh atau diimbaskan pada pembaca tanpa sentuh sekiranya transaksi anda tidak melebihi RM250. Sekiranya transaksi adalah melebihi RM250, anda masih boleh membayar dengan menggunakan Kad Debit tetapi perlu disertakan dengan PIN.
- Had Kumulatif Tanpa Sentuh
Untuk keselamatan tambahan, apabila anda membuat transaksi berjumlah RM800 secara kumulatif, anda akan diminta untuk melakukan transaksi sentuh beserta PIN untuk meresetkan had tanpa sentuh. Had kumulatif tanpa sentuh anda akan diresetkan semula kepada kosong sebaik sahaja PIN dimasukkan.
- Menetapkan had anda
Anda boleh menetapkan had transaksi tanpa sentuh dan had kumulatif tanpa sentuh anda dari RM0 – RM800 dengan melawat mana-mana cawangan HLB/HLISB. Sekiranya anda tidak menetapkan had transaksi tanpa sentuh dan had kumulatif tanpa sentuh, had ini akan ditentu dengan berdasarkan had pembelian runcit yang telah anda tetapkan. Contoh:

Had Pembelian Runcit	Had Transaksi Default Tanpa Sentuh	Had Kumulatif Default Tanpa Sentuh
RM100	RM100	RM100
RM300	RM250	RM300
RM1,000	RM250	RM800

10. Panduan Keselamatan Pemegang Kad Debit PIN & BAYAR

Anda, dan mana-mana pemegang kad tambahan, dikehendaki mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk mencegah kad dan nombor Kad Debit, PIN, kata laluan atau sebarang butiran keselamatan lain untuk kad atau akaun ("butiran keselamatan kad") daripada disalahgunakan atau digunakan untuk melakukan penipuan.

Langkah-langkah pencegahan ini merangkumi:

- Tandatangani pada Kad Debit apabila ia diterima dan patuhi sebarang arahan keselamatan;
- Lindungi Kad Debit, PIN, dan sebarang butiran keselamatan Kad Debit;
- Jangan benarkan sesiapa mengambil atau menggunakan Kad Debit; Musnahkan sebarang maklumat PIN dan sebarang butiran keselamatan Kad Debit;
- Jangan tulis nombor PIN atau butiran keselamatan kad atau mendedahkannya kepada sesiapa termasuk pihak polis dan/atau kakitangan Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank;
- Jangan benarkan sesiapa melihat PIN anda semasa anda memasukkannya atau ia dipaparkan;
- Jangan mengubahsuai Kad Debit;
- Semak dengan kerap bahawa Kad Debit masih ditangan anda;
- Simpan resit Kad Debit dengan selamat dan lupuskan dengan cermat;
- Hubungi kami jika ada sebarang perkara yang mencurigakan atau masalah mengenai penggunaan Kad Debit di terminal; dan
- Semak penyata anda dengan kerap dan laporkan mengenai sebarang aktiviti yang mencurigakan dengan segera.

Anda dikehendaki memaklumkan kepada kami dengan segera jika:

- Kad Debit anda hilang atau dicuri; atau
- PIN anda telah terdedah / dikompromi; atau
- Kad Debit anda ditahan oleh ATM; atau
- Alamat atau maklumat perhubungan anda telah bertukar.

Anda dikehendaki memilih atau menukar PIN anda kepada nombor yang dipilih oleh anda, sebelum PIN boleh digunakan untuk sebarang urusan niaga. Pilihan PIN anda mestilah angka yang boleh mengurangkan kemungkinan ia dapat diteka oleh orang lain. Anda perlu mengelakkan PIN yang tidak sesuai seperti:

- Tarikh lahir, bulan atau tahun dalam sebarang bentuk atau kombinasi;
- Nombor berturutan (seperti 345678) dan gabungan nombor yang mudah dikenali (seperti 111111);
- Sebarang kumpulan nombor yang dicetak di atas Kad Debit anda;
- Lain-Lain nombor peribadi yang mudah diperolehi seperti sebahagian daripada nombor telefon peribadi, nombor kad pengenalan atau lain-lain data peribadi.

Pra-Kebenaran Kad di Pam Layan Diri Stesen Minyak

Apakah yang berlaku apabila saya menggunakan Kad Debit di pam layan diri?

Apabila anda menggunakan Kad Debit anda di pengisi minyak automatik dalam stesen minyak, pam layan diri tersebut akan membenarkan transaksi pembelian minyak dengan menghantar amaun pra-kebenaran ke atas kad yang membayar kepada pengeluaran kad tersebut.

Apakah maksud pra-kebenaran?

Pra-kebenaran adalah pegangan sementara sejumlah amaun spesifik daripada baki tersedia yang terdapat pada kad yang membayar. Ia digunakan sebagai pengesahan bahawa kad adalah aktif dan memiliki dana tersedia yang mencukupi sebelum minyak boleh diisi.

Berapakah amaun pra-kebenaran atas Kad Debit saya apabila menggunakan pam layan diri?

Oleh kerana pra-kebenaran perlu berlaku sebelum minyak diisi, jumlah sebenar minyak yang diisi tidak diketahui semasa pra-kebenaran dibuat. Amaun pra-kebenaran yang dipersetujui untuk pam layan diri di Malaysia adalah RM200.

Apakah yang berlaku jika minyak yang diisi kurang daripada amaun pra-kebenaran?

Amaun pra-kebenaran bukan caj, dan tiada dana yang didebit daripada akaun Kad Debit, tetapi baki tersedia atas Kad Debit dikurangkan buat sementara dengan amaun pra-kebenaran tersebut. Apabila anda telah selesai mengempam minyak, amaun sebenar untuk petrol yang dipam akan dihantar kepada pihak Bank anda. Pada masa ini, amaun sebenar akan didebitkan dari akaun Kad Debit, dan amaun pra-kebenaran akan dilepaskan. Bagaimanapun, ia mungkin mengambil masa penyelesaian selama 3 hari perniagaan selepas minyak diisi dan pra-kebenaran diberikan.

Bagaimanakah jika dana tersedia saya kurang dari RM200 atau jika saya mahu mengelakkan pegangan dana sebanyak RM200 atas kad saya?

Pelanggan yang mahu mengelakkan pra-kebenaran di pam layan diri dinasihatkan agar pergi ke kaunter juruwang di mana amaun belian sebenar akan ditolak daripada akaun pemegang kad.

Kad Debit dengan Ciri Tanpa-Sentuh

Kad tanpa-sentuh adalah cara mudah dan pantas untuk membayar dan membolehkan anda membuat pembelian harian hanya dengan menyentuhkan Kad Debit tanpa-sentuh anda apabila anda melihat simbol universal tanpa-sentuh ini

Bagaimana kad tanpa-sentuh saya berfungsi?

Fungsi tanpa-sentuh merangkumi cip komputer terbenam dengan antena yang menghantar isyarat tanpa wayar dalam jarak dekat tanpa sentuh di antara terminal saudagar dan kad tanpa-sentuh. Untuk membuat pembayaran, anda hanya perlu menyentuhkan Kad Debit anda dengan ruang tanpa-sentuh kepada terminal pembaca apabila diarahkan.

Ciri-ciri Keselamatan

Kad Debit sentiasa di tangan anda

Langkah keselamatan paling mudah untuk Kad Debit tanpa-sentuh adalah ia mestilah sentiasa di tangan anda. Jadi, orang lain tidak berpeluang untuk melakukan leretan berganda atau membuat salinan Kad Debit semasa anda tidak melihat.

Cip selamat untuk menghalang pemalsuan

Kad Debit tanpa-sentuh adalah selamat sama seperti Kad Debit dikuasakan-cip yang lain dan memiliki tahap keselamatan pelbagai peringkat untuk menghalang pemalsuan. Setiap transaksi tanpa-sentuh merangkumi kod unik yang dijana oleh cip yang terdapat di dalam Kad Debit, yang berubah dengan setiap pembelian, sekali gus menghalang penipu daripada memainkan semula maklumat yang dibaca daripada cip untuk membuat pembayaran.

Pengesahan pelanggan untuk pembelian bernilai lebih tinggi

Anda tidak perlu menandatangani atau memasukkan PIN untuk transaksi tanpa-sentuh yang berjumlah sehingga RM250 di Malaysia.

Tiada Liabiliti Pemegang Kad untuk Pembelian Tanpa-Sentuh

Seandainya berlaku penipuan, anda tidak akan dipertanggungjawabkan untuk caj yang dibuat secara penipuan tersebut atau pembelian tanpa kebenaran yang dibuat menggunakan ciri tanpa-sentuh pada cip Kad Debit anda. Anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segera atau sebaik sahaja menyedari atau mengesyaki terdapat penggunaan tanpa kebenaran atau aktiviti yang mencurigakan. Bagaimanapun, anda akan dipertanggungjawabkan ke atas pembelian tanpa kebenaran jika anda cuai semasa melindungi Kad Debit atau PIN anda.

Soalan Lazim

1. Bolehkah saya membuat pembayaran tanpa disedari apabila saya melintasi terminal pembaca tanpa-sentuh? Kad Debit tanpa-sentuh anda hanya boleh digunakan apabila Kad Debit berada dalam jarak 4sm daripada pembaca Kad Debit. Bukan itu sahaja, terminal pembaca perlu dipersediakan oleh juruwang dan ia hanya akan berlaku apabila juruwang memulakan urusan transaksi di terminal untuk menerima bayaran. Jika terminal pembaca tanpa-sentuh tidak memproses sebarang transaksi, ia tidak akan membaca sebarang kad tanpa-sentuh yang berada berhampiran dengannya secara tidak sengaja.
2. Apakah yang berlaku jika saya menyentuh Kad Debit saya dua kali pada terminal pembaca tanpa-sentuh? Terminal pembaca tanpa-sentuh hanya boleh memproses satu transaksi pada satu masa. Walaupun Kad Debit tanpa-sentuh telah tersentuh dua kali, anda hanya akan dibil sekali sahaja untuk transaksi tersebut.
3. Apakah yang berlaku jika saya memiliki lebih daripada satu Kad Debit tanpa-sentuh di dalam dompet dan saya menyentuh dompet saya pada terminal pembaca tanpa-sentuh? Jika anda memegang Kad Debit anda di hadapan terminal pembaca tanpa-sentuh dan anda mempunyai satu atau lebih kad lain dengan ciri tanpa-sentuh, pembaca kad mungkin akan mengesan lebih daripada satu kad dan tidak akan melengkapkan pembayaran. Anda perlu melakukan transaksi tersebut sekali lagi. Anda seharusnya memastikan anda hanya memegang satu kad pada terminal pembaca dan sentiasa membawanya ke luar daripada dompet apabila mahu digunakan.
4. Apakah yang berlaku jika penipu membaca Kad Debit saya dengan meletakkan terminal pembaca tanpa-sentuh berhampiran dompet saya? Dalam situasi yang tidak mungkin berlaku di mana butiran peribadi Kad Debit tanpa-sentuh dapat dibaca oleh penipu menggunakan terminal pembaca tanpa-sentuh yang berhampiran dengan poket atau dompet anda, ciri keselamatan telah tersedia untuk mencegah penggunaan tanpa kebenaran butiran keselamatan kad yang telah dicuri. Setiap transaksi tanpa-sentuh merangkumi kod unik yang berubah dengan setiap pembelian, ia hanya boleh digunakan sekali sahaja dan hanya boleh dijana oleh cip di dalam Kad Debit tanpa-sentuh yang asal, dan ia mencegah Kad Debit palsu daripada dihasilkan menggunakan butiran keselamatan kad yang dicuri.
5. Bolehkah penipu mencuri Kad Debit saya dan menggunakannya untuk mengosongkan akaun bank saya? Langkah keselamatan telah tersedia untuk menghalang penggunaan Kad Debit tanpa-sentuh yang hilang atau dicuri oleh mana-mana penipu. Terdapat had transaksi tanpa-sentuh yang rendah sebanyak RM250, jika melebihinya, transaksi tidak boleh dibenarkan tanpa pengesahan pemegang kad—pengesahan PIN atau tandatangan. Transaksi akan dianalisa oleh pengeluar kad dan rangkaian pembayaran global dalam masa-sebenar untuk mengenal pasti corak penipuan dan mengesan transaksi yang mencurigakan.